

TARIKH	ISNIN, 15 OGOS 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	TIGA KAEDAH LAKSANA KERJA 45 JAM SEMINGGU: MAJIKAN BEBAS PILIH KAEDAH IKUT KESESUAIAN
M/S	7
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

Majikan bebas pilih kaedah ikut kesesuaian

Dari Muka 1

Saravanan berkata, kaedah ketiga ialah majikan boleh mengurangkan waktu bekerja mingguan daripada enam hari kepada lima hari bekerja.

Beliau berkata, majikan bebas untuk memilih mana-mana kaedah yang dinyatakan mengikut kesesuaian operasi masing-masing.

"Namun, ingin ditegaskan, pengurangan waktu bekerja ini tidak boleh membabitkan pengurangan gaji sedia ada pekerja. Majikan yang mengurangkan gaji boleh dikenakan tindakan," katanya.

Pelaksanaan pengurangan waktu bekerja mingguan ini membabitkan semua sektor pekerjaan swasta di Semenanjung

dan Labuan.

Minggu lalu, Dewan Negara diberitahu pindaan Akta Kerja 1955 berhubung pengurangan waktu kerja mingguan daripada 48 jam kepada 45 jam akan berkuat kuasa pada 1 September ini.

Pewartaan tarikh kuat kuasa akta ini dijangka dibuat dalam tempoh yang terdekat.

Saravanan berkata, pengurangan waktu kerja yang ditetapkan melalui pindaan Akta Kerja 1955 ini bertujuan untuk mewujudkan keseimbangan hidup supaya pekerja mempunyai lebih masa untuk keluarga dan urusan peribadi lain.

Katanya, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Semenanjung Malaysia, sudah mengadakan beberapa siri 'roadshow' di seluruh negara bagi memberi penerangan berhubung pindaan akta ini kepada pi-

hak yang berkepentingan khususnya majikan, persatuan majikan, kesatuan sekerja dan pekerja sejak Julai lalu.

"Pengurangan waktu kerja ini selaras dengan saranan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) 'Reduction of Hours of Work Recommendation' 1962 (No. 116) kepada negara anggota supaya mengambil langkah mengurangkan waktu kerja tanpa membabitkan pengurangan gaji.

"Pengurangan waktu bekerja kepada 45 jam seminggu ini bukanlah suatu yang baharu kerana banyak negara lain di dunia sudah pun mengamalkan waktu bekerja mingguan yang lebih rendah daripada 45 jam seminggu. Antaranya Norway, Jerman, Belgium dan Amerika Syarikat yang mengamalkan waktu kerja 40 jam seminggu.

"Malah, negara jiran Singapura juga mengamalkan waktu kerja 44 jam seminggu, manakala Filipina mengamalkan waktu kerja 45 jam seminggu," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan bercadang melaksanakan waktu kerja 40 jam seminggu seperti disarankan ILO, Saravanan berkata, ia perlu diteliti lebih mendalam dengan mengambil kira pandangan majikan terlebih dahulu.

Katanya, JTK komited untuk memastikan golongan pekerja di negara ini mendapat faedah dan perlindungan yang ditetapkan oleh ILO.

"Namun, sebarang keputusan untuk mengurangkan waktu bekerja kepada 40 jam seminggu perlu penelitian lebih mendalam," katanya.

Mengenai kenyataan Perseku-

tuan Majikan Malaysia (MEF), bahawa pelaksanaan waktu kerja baharu akan menjejaskan operasi syarikat, Saravanan berkata sesi libat urus dan penerangan sudah diadakan dengan pemegang taruh sejak 2015.

Beliau berkata, ia dilakukan melalui pelbagai platform seperti sesi 'townhall', dialog, seminar, mesyuarat dan maklum balas dalam talian membabitkan semua pemegang taruh, termasuk ILO, persatuan majikan, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), badan bukan kerajaan (NGO) dan orang awam.

"Malah, cadangan pindaan kepada Akta Kerja 1955 ini juga dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) yang mana MEF adalah antara anggota tetap majlis itu," katanya.

**DISEDIAKAN
OLEH**

**1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-CARLOS LINTON (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM**